



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[ISLAMIC SPIRITUAL ORIENTATION AMONG STUDENTS  
WITH DISCIPLINARY PROBLEM]**

**ORIENTASI KEROHANIAN ISLAM DALAM KALANGAN  
MURID BERMASALAH DISIPLIN**

NIK ROSILA NIK YAACOB<sup>1</sup>

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia,  
11800 Penang, Malaysia  
e-mail: nikrusila@usm.my

\*Corresponding Author: nikrusila@usm.my

Received Date: 15 November 2021 • Accepted Date: 1 December 2021

**Abstract**

This study aims to examine an Islamic spiritual orientation among respondents who have disciplinary problems in school. This quantitative study involved 787 secondary school students who have been selected through purposive sampling method. An Islamic Spiritual Questionnaire was used to identify the level of Islamic spiritual orientation. Percentage, mean score, and correlation were used to analyze the data. The result found that there was no significant relationship between Islamic spiritual orientation with demographic aspects (gender, school location and the mother's educational level) of the respondents. On the other hand, there is a significant relationship between Islamic spiritual orientation and demographic aspect (the father's educational level). The finding also shows respondents in this study have a high level of Islamic spiritual orientation. This study shows the family institution, can be strengthened by mandating each couple to undergo a post-marriage courses by emphasizing parenting training. The study also suggests that Islamic Education curriculum in school needs to be reviewed specially to ensure students able to internalize the concept of Islamic knowledge and practically performed it in daily life consistently in the classroom.

**Keywords:** orientation, Islamic spirituality, disciplinary problem, student

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji orientasi kerohanian Islam dalam kalangan responden yang mempunyai masalah disiplin di sekolah. Kajian kuantitatif ini melibatkan 787 responden murid sekolah menengah yang dipilih secara rawak. Soal Selidik Kerohanian Islam (SSKI) digunakan untuk mengenalpasti tahap orientasi kerohanian Islam. Peratusan, skor min dan korelasi digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi kerohanian Islam dengan aspek demografi (jantina, lokasi sekolah dan tahap pendidikan ibu) responden. Sebaliknya, wujud hubungan yang signifikan antara orientasi kerohanian Islam dengan aspek demografi (tahap pendidikan bapa). Dapatan juga menunjukkan

responden dalam kajian ini mempunyai tahap orientasi kerohanian Islam yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan institusi keluarga dapat diperkukuhkan dengan mewajibkan setiap pasangan yang telah berkahwin melalui kursus pasca-perkahwinan dengan memberi penekanan kepada latihan keibubapaan. Kajian ini juga mencadangkan bahawa kurikulum Pendidikan Islam di sekolah perlu dikaji semula terutama dalam memastikan penghayatan pelajar terhadap konsep asas pengetahuan Agama Islam dan melaksanakannya dalam kehidupan harian secara konsisten.

**Keywords:** orientasi, kerohanian islam, masalah disiplin, murid

**Cite as:** Nik Rosila Nik Yaacob. 2021. [Islamic Spiritual Orientation among Students with Disciplinary Problem] Orientasi Kerohanian Islam dalam kalangan Murid Bermasalah Disiplin. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 48-59.

## PENGENALAN

Isu masalah disiplin dalam kalangan murid sekolah sering menjadi tumpuan para pendidik, pengkaji sosial, ibu bapa serta pihak kementerian pendidikan. Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati seramai 111,895 orang murid terlibat dengan masalah disiplin di sekolah (Bahagian Sekolah, 2017). Jumlah ini memberi kesan yang besar dalam konteks pendidikan kerana ianya melibatkan kementerian dan kemandirian murid pada masa hadapan. Tujuan disiplin sekolah dibentuk adalah untuk mewujudkan suasana kondusif dalam lingkungan sekolah bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar serta membimbing murid untuk menerima tanggungjawab sendiri diatas tingkahlaku yang di lakukan (Arsaythamby & Ng, 2014; Absha Athiah & Mohd Isa, 2019). Namun, kes-kes yang melibatkan masalah disiplin dalam kalangan murid sekolah menggambarkan wujudnya krisis nilai kerohanian dalam kalangan masyarakat hari ini (Absha Athiah & Mohd Isa, 2019; Abdullah, Salim & Arip, 2018).

Golongan remaja terutama remaja muslim seharusnya mempunyai nilai ketahanan diri yang kuat dan orientasi kerohanian Islam yang jelas memandangkan kurikulum Pendidikan Islam yang dipelajari di sekolah telah mencakupi keseluruhan orientasi kerohanian Islam sepertimana terkandung dalam al-Quran dan hadis. Orientasi kerohanian Islam seharusnya berpaksi kepada penghayatan Islam sebagai satu cara hidup yang menjadikan kepercayaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW sebagai dasar utama. Perlakuan individu Muslim perlu menjadikan nilai, akhlak dan tingkahlakunya selari dengan prinsip asas Islam yang terkandung dalam rukun Islam dan rukun iman. Dalam ertikata lain, mematuhi prinsip-prinsip asas Islam yang terkandung dalam rukun iman dan rukun Islam adalah satu kewajipan bukannya pilihan (Al-Ghazali, 1998; Syed Muhamad Naquib, 1995; Manal, Shahabuddin & Nik Rosila, 2020).

Sehubungan dengan permasalahan orientasi kerohanian murid sekolah, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap orientasi kerohanian Islam murid yang bermasalah disiplin dan juga untuk mengkaji hubungan antara kerohanian Islam murid bermasalah disiplin dengan demografi murid (jantina, lokasi sekolah, tahap pendidikan ibu dan tahap Pendidikan bapa)

## SOROTAN LITERATUR

Dalam menghadapi cabaran sendiri dan persekitaran, orientasi keagamaan yang jelas merupakan elemen penting sebagai panduan dalam mengatur tingkahlaku dan memastikan kesejahteraan psikologi individu (Subandi, 2020; Hussein, 2016). Menurut Allport (Subandi, 2020) individu yang mempunyai pegangan keagamaan yang teguh akan mempunyai harapan, sikap optimis, rasa bersyukur dan juga perasaan belas kasihan yang tinggi. Melalui sikap ini, mereka akan memperoleh kesejahteraan psikologi. Individu yang tidak mempunyai pegangan agama yang kukuh menjadikan kehidupannya kurang stabil dari segi psikologi serta halatuju kehidupan yang goyah. Dalam hal ini, individu yang menjadikan agama sebagai sebahagian daripada kehidupan peribadinya dan menjalani kehidupan berdasarkan teras agama, mempunyai orientasi keagamaan intrinsik. Manakala individu yang mengaitkan agama dari aspek formal dan institusional, mereka di kategorikan mempunyai orientasi keagamaan ekstrinsik. Francis, Katz, Yablon & Robbins (2004) dalam kajiannya membuktikan terdapat hubungan positif yang signifikan antara orientasi keagamaan dan kebahagiaan. Dalam konteks ini, kebahagiaan ditakrifkan bebas diri daripada masalah psikologikal seperti kemurungan, stres dan kebimbangan. Manakala kajian Ferlis, Madlan & Murnizam (2008) mendapati orientasi keagamaan intrinsik dan ekstrinsik tidak mampu bertindak sebagai penyederhana dalam hubungan antara sumber stres dan stres yang dialami pelajar. Terdapat juga kajian yang memfokus kepada perkaitan antara pegangan keagamaan dengan keupayaan membuat penaaakulan moral dalam menentukan perlakuan positif dan negatif. Kajian-kajian (Mohd Daud, 2000; Musa Garba, 1999; Aswati, 2007; Nur Najihah & Syed Hadzurallathfi, 2017) mendapati pelajar Melayu mencapai skor yang tinggi bagi nilai kerohanian yang berkait rapat dengan pegangan Islam mereka. Dalam hal ini, pegangan Islam yang kukuh berperanan sebagai indikator utama kepada seseorang untuk mencapai penaaakulan moral yang paling rasional dan seterusnya membentuk perlakuan yang selari dengan teras pegangan keagamaan.

Dalam konteks sekolah, masalah disiplin murid sering dikaitkan dengan kemerosotan kefahaman dan penghayatan keagamaan dan kerohanian (Wan Norasiah, 2003; Abdullah, Salim & Arip, 2018; Annasai, Fatin & Mohd Aderi, 2020). Misalnya, kajian Wan Norasiah (2003) mendapati akhlak dan tingkahlaku negatif murid di kawasan luar bandar mempunyai pertalian dengan pegangan kerohanian, pengaruh persekitaran dan cara didikan ibu bapa. Hal ini menggambarkan bahawa perilaku yang baik dalam kalangan remaja datangnya daripada didikan agama dan ilmu pengetahuan yang diterapkan oleh orang-orang yang berautoriti seperti ibu bapa, guru dan ahli keluarga yang lain (Mohd Khairi & Mohamad Khairi, 2016; Nik Rosila, 2010; Nourmarifa Sari & Siti Rohmah Nurhayati, 2019; Zakiyah & Ismail, 2004). Dari perspektif intervensi, Mashira (2016) mendapati aplikasi terapi Islam membantu mengurangkan masalah tingkahlaku bergaduh dalam kalangan murid sekolah menengah yang bermasalah disiplin. Penggunaan intervensi Islam iaitu solat, zikir dan amalan sunat ternyata berupaya membentuk kefahaman keagamaan Islam yang mapan dalam kalangan murid sekolah menengah. Sehubungan dengan ini, keupayaan murid sekolah menengah memahami dan menghayati amalan keagamaan antara faktor penting dalam perubahan tingkahlaku.

Merujuk kepada latarbelakang murid, kajian-kajian (Sarimah, Mohd Kashfi, Ab. Halim & Kamarulzaman, 2011; Ajmain & Ab. Halim, 2011) mendapati murid-murid yang bersekolah di sekolah bandar mempunyai penghayatan dan kefahaman Islam yang lebih baik berbanding

murid-murid di sekolah luar bandar. Sebaliknya, Mohd Khairi & Mohamad Khairi (2016) mendapati kefahaman dan amalan Islam tidak dipengaruhi oleh lokasi sekolah responden. Merujuk kepada jantina, beberapa kajian menunjukkan hasil dapatan yang berbeza. Kajian (Mohd Khairi & Mohamad Khairi, 2016; Annasai, Fatin & Mohd Aderi, 2020) mendapati tahap penghayatan dan kefahaman Islam tidak dipengaruhi oleh jantina pelajar. Manakala dalam kajian Sarimah, Mohd Kashfi, Ab. Halim & Kamarulzaman (2011), mendapati murid perempuan mempunyai tahap penghayatan dan kefahaman Islam yang lebih baik berbanding murid lelaki terutama dari aspek amalan sosial, peribadi dan amalan keagamaan. Tahap penghayatan dan kefahaman kerohanian juga sering dikaitkan dengan latarbelakang pendidikan ibu dan bapa. Dalam hal ini, ibu dan bapa yang mempunyai tahap pendidikan formal yang tertinggi mempengaruhi tahap pendidikan anak-anak dan mengurangkan masalah disiplin mereka di sekolah (Mardiyyah & Nurazan, 2016; Mohd Khairi & Mohamad Khairi, 2016; Wan Norasiah, 2003). Namun begitu, kajian Nooraisah, Siti Rafizah & Mohd Jusoh (2014) mendapati tahap pendidikan ibu tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan masalah disiplin murid. Sebaliknya, tahap pendapatan bapa dan tahap pendidikan bapa menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan tahap disiplin murid. Hal ini bermaksud, semakin tinggi tahap pendapatan dan tahap pendidikan bapa, semakin tinggi penglibatan pelajar dalam tahap disiplin murid di sekolah. Hal yang sama turut digambarkan oleh kajian-kajian (Zakiyah & Ismail, 2004; Mahshid, Rozumah & Siti Aishah, 2010; Nourmarifa Sari & Siti Rahmah Nurhayati, 2019) yang mendapati perhubungan dan kawalan yang lemah oleh bapa mempengaruhi masalah tingkahlaku delinkuen pelajar. Kajian Zakiyah & Ismail (2004) misalnya mendapati tahap pendapatan dan pendidikan bapa mempunyai pertalian positif dengan masalah disiplin anak remaja. Hal ini kerana bapa yang berpelajaran tinggi mempunyai komitmen yang besar di tempat kerja dan secara tidak langsung kurang memberikan perhatian terhadap anak-anak mereka.

Berdasarkan perbincangan, kajian-kajian lepas banyak memfokus kepada penghayatan dan kefahaman Islam, orientasi keagamaan, kefahaman dan amalan Islam, penaakulan moral dan tingkahlaku, masalah disiplin dan latarbelakang pelajar dan keluarga. Tidak ada kajian tempatan yang memberi perhatian kepada orientasi keagamaan Islam dengan latarbelakang pelajar dari segi jantina, lokasi sekolah, tahap pendidikan ibu dan tahap pendidikan bapa. Kebanyakan kajian mengenai orientasi keagamaan Islam dikaitkan dengan aspek psikologi seperti tekanan dan kebimbangan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap orientasi keagamaan Islam dalam kalangan murid yang bermasalah disiplin di sekolah dengan memfokus kepada aspek jantina, lokasi sekolah, dan tahap pendidikan ibu dan tahap pendidikan bapa. Kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumbalas mengenai profil murid bermasalah disiplin dari segi tahap orientasi keagamaan Islam serta pendekatan yang signifikan dalam mengendalikan permasalahan ini.

## **METODOLOGI**

Sampel kajian ini seramai 787 orang murid yang mempunyai masalah disiplin di sekolah menengah di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Sampel kajian dipilih secara rawak berdasarkan masalah disiplin yang telah dikenal pasti oleh Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan guru disiplin sekolah. Instrumen kajian ini terdiri daripada Soal Selidik Kerohanian

Islam (SSKI) untuk mengukur orientasi kerohanian Islam. Soal selidik ini diubahsuai daripada Aswati (2007). Soal selidik ini mengandungi 35 item yang diwakili oleh tiga dimensi iaitu; dimensi kepercayaan, dimensi intrinsik dan dimensi ekstrinsik. Skala likert 1 hingga 5 digunakan sebagai pemarkatan persetujuan dalam soal selidik ini. Tahap orientasi kerohanian Islam dibahagikan kepada tiga tahap berdasarkan Mohd Zailani (2008), iaitu tahap rendah (skor 0 hingga 56), tahap sederhana (skor 57 hingga 117), dan tahap tinggi (skor 118 hingga 175). Kajian ini juga menggunakan "Senarai Semak Jenis Masalah Disiplin" yang telah disenaraikan oleh Pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengenalpasti tahap masalah disiplin. Senarai semak ini telah disusun mengikut kategori kesalahan iaitu; Ringan, Sederhana dan Berat (Bahagian Sekolah, 2017). Selain itu, soal selidik mengenai demografi responden juga dibentuk bagi mengumpul maklumat profil murid iaitu jantina, lokasi sekolah, tahap pendidikan ibu dan tahap pendidikan bapa. Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 22 dan dilaporkan dalam bentuk kekerapan peratusan, skor min dan korelasi.

## DAPATAN

Dapatan menunjukkan bilangan responden lelaki ialah 64.2 peratus ( $n = 505$ ) dan responden perempuan ialah 34.8 peratus ( $n = 282$ ). Hal ini menunjukkan murid lelaki yang terlibat dalam masalah disiplin di sekolah lebih ramai berbanding murid perempuan. Taburan demografi juga menunjukkan jumlah responden dari sekolah luar bandar (65.2 peratus) lebih ramai berbanding sekolah di bandar (34.8 peratus). Bagi tahap pendidikan ibu, seramai 3.9 peratus mempunyai tahap pendidikan "Tidak Bersekolah", 13.7 peratus "Sekolah Kebangsaan", 72.0 peratus "Sekolah Menengah" dan 8.4 peratus "Institusi Pengajian Tinggi". Bagi tahap Pendidikan bapa, 2.8 peratus "Tidak Bersekolah", 10.8 peratus "Sekolah Menengah", 96.9 peratus "Sekolah Menengah" dan 13.5 peratus "Institut Pengajian Tinggi". Berdasarkan dapatan, kebanyakan ibu dan bapa mempunyai pendidikan pada peringkat sekolah menengah.

Merujuk kepada komposisi min bagi dimensi-dimensi dalam Soal Selidik Kerohanian Islam (SSKI) yang mengukur orientasi kerohanian Islam responden mendapati, dimensi kepercayaan memperoleh skor min 4.53, dimensi instrinsik mendapat skor min=4.47, dan skor min dimensi ekstrinsik pula 4.24. Dapatan ini menunjukkan dimensi kepercayaan memperoleh nilai skor min yang tinggi sedikit berbanding dimensi-dimensi yang lain dalam SSKI. Bagi mengkaji tahap orientasi kerohanian Islam, dapatan menunjukkan 97.1 peratus responden mempunyai tahap orientasi kerohanian Islam yang tinggi, 2.3 peratus responden mempunyai tahap orientasi Islam pada tahap sederhana, manakala selebihnya iaitu 0.6 peratus berada pada tahap rendah. Hal ini menunjukkan hampir keseluruhan responden yang bermasalah disiplin dalam kajian ini mempunyai orientasi kerohanian Islam yang tinggi.

Jadual 1 memerihalkan tahap orientasi kerohanian Islam dalam kalangan responden yang berbeza latar demografi yang dilaporkan dalam bentuk kekerapan peratusan. Dapatan menunjukkan hampir keseluruhan pelajar tanpa mengira jantina, lokasi sekolah, tahap pendidikan ibu dan tahap pendidikan bapa, mempunyai tahap orientasi kerohanian Islam yang tinggi. Dapatan juga menunjukkan keseluruhan responden yang mempunyai ibu dan bapa pada tahap "Tidak Bersekolah", mempunyai tahap orientasi kerohanian Islam yang tinggi.

Jadual 1: Tahap orientasi kerohanian Islam berdasarkan demografi

Demografi	Tahap orientasi kerohanian Islam		
	Tinggi	Sederhana	Rendah
Jantina			
Lelaki	96.0%	3.0%	1.0%
Perempuan	98.9%	1.1%	0.0%
Lokasi sekolah			
Bandar	94.9%	4.7%	0.4%
Luar Bandar	98.2%	1.0%	0.8%
Tahap pendidikan ibu			
Tidak Bersekolah	100%	0.0%	0.0%
Sekolah Kebangsaan	96.3%	1.9%	1.9%
Sekolah Menengah	97.4%	2.3%	0.4%
Institut Pengajian Tinggi (IPT)	93.9%	4.5%	1.5%
Tahap pendidikan bapa			
Tidak Bersekolah	100%	0.0%	0.0%
Sekolah Kebangsaan	96.5%	1.2%	2.4%
Sekolah Menengah	96.9%	2.7%	0.4%
Institut Pengajian Tinggi (IPT)	98.1%	2.2%	0.7%

Bagi menjelaskan perbezaan orientasi kerohanian Islam dalam kalangan jantina, Jadual 2 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi responden lelaki dan perempuan. Dapatan menunjukkan min responden lelaki ialah 4.4657, manakala min bagi responden perempuan ialah 4.4949 dengan nilai  $t = -.950$ ,  $p = .173$ . Dapatan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi orientasi kerohanian Islam dalam kalangan responden yang berlainan jantina.

Jadual 2: Ujian-t bagi orientasi kerohanian Islam berdasarkan jantina

Jantina	Min	Sisihan piawai	Ujian-t	Signifikan
Lelaki	4.4657	.42130	-.950	.173
Perempuan	4.4949	.38473		

Analisis data seterusnya ialah bagi menunjukkan keputusan orientasi kerohanian Islam berdasarkan lokasi sekolah. Jadual 3 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi lokasi sekolah (bandar dan luar bandar). Sekolah bandar menunjukkan min=4.4280 dan sekolah luar bandar mencatatkan min=4.5006, dengan nilai  $t = -2.382$ ,  $p = .570$ . Dapatan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara orientasi kerohanian Islam dengan lokasi sekolah.

Jadual 3: Ujian-t bagi orientasi kerohanian Islam berdasarkan lokasi sekolah

Lokasi sekolah	Min	Sisihan piawai	Ujian-t	Signifikan
Bandar	4.4280	.43679	-2.382	.570
Luar bandar	4.5006	.38978		

Jadual 4 menghuraikan korelasi antara orientasi kerohanian Islam dengan tahap pendidikan ibu. Dapatan menjelaskan bahawa nilai pekali korelasi spearman's rho ialah  $r = .053$  dan  $p = .145$ . Hal ini bermakna, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi kerohanian Islam dengan tahap pendidikan ibu. Dalam ertikata lain, orientasi kerohanian Islam responden tidak dipengaruhi oleh tahap pendidikan ibu.

Jadual 4: Korelasi orientasi kerohanian Islam dengan tahap pendidikan ibu

		Tahap Pendidikan Ibu	Min orientasi kerohanian Islam
Spearman's rho	Tahap Pendidikan Ibu	Correlation Coefficient	1.000
		Sig. (2-tailed)	.053
		N	772
Min orientasi kerohanian Islam		Correlation Coefficient	.053
		Sig. (2-tailed)	.145
		N	769

Jadual 5: Korelasi orientasi kerohanian Islam dengan tahap pendidikan bapa

		Tahap Pendidikan Bapa	Min orientasi kerohanian Islam
Spearman's rho	Tahap Pendidikan Bapa	Correlation Coefficient	1.000
			.113(**)

	Sig. (2-tailed)	.	.002
	N	763	760
Min	Correlation		
orientasi	Coefficient	.113(**)	1.000
kerohanian			
Islam	Sig. (2-tailed)	.002	.
	N	760	784

Bagi memerihalkan korelasi antara orientasi kerohanian Islam dengan tahap pendidikan bapa, Jadual 5 menunjukkan nilai korelasi spearman's rho ialah  $r = .113$  dan  $p = .002$ . Oleh itu, dapatan ini menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara orientasi kerohanian Islam dengan tahap pendidikan bapa. Dapatan ini menggambarkan orientasi kerohanian Islam responden dipengaruhi oleh tahap pendidikan bapa.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi kerohanian Islam dengan tiga aspek demografi iaitu jantina, tahap pendidikan ibu dan lokasi sekolah. Dapatan ini selari dengan kajian-kajian lepas (Mohd Khairi & Mohamad Khairi, 2016; Annasai, Fatin & Mohd Aderi, 2020) yang mendapati tahap penghayatan dan kefahaman Islam tidak dipengaruhi oleh jantina pelajar. Begitu juga dengan kajian Mohd Khairi & Mohamad Khairi (2016) yang mendapati lokasi sekolah tidak mempengaruhi aspek kefahaman dan amalan Islam pelajar. Dari segi tahap pendidikan ibu, hasil kajian ini selari dengan Nooraisah, Siti Rafizah & Mohd Jusoh (2014) mendapati tahap pendidikan ibu tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan masalah disiplin murid.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan tahap pendidikan bapa mempunyai hubungan dengan orientasi kerohanian Islam murid. Hal ini bermaksud, semakin tinggi tahap pendidikan bapa, semakin tinggi tahap orientasi kerohanian Islam murid. Dapatan ini selari dengan Nooraisah, Siti Rafizah & Mohd Jusoh (2014) dan Zakiyah & Ismail (2004) yang mendapati tahap pendidikan bapa mempunyai pertalian positif dengan masalah disiplin anak remaja. Bapa sebagai tonggak keluarga seringkali dijadikan sebagai *role model* dalam sesebuah keluarga, apatah lagi dalam konteks budaya Melayu yang berorientasikan masyarakat kolektivisma yang menjunjung nilai ketimuran dan berlandaskan ajaran Islam (Absha Atiah & Mohd Isa, 2019; Randi et.al., 2017). Dalam konteks ini, secara tradisionalnya bapa di iktiraf sebagai pemimpin dalam keluarga, yang bertanggungjawab melindungi ahli keluarga serta menetapkan suatu bentuk nilai dan parameter tingkahlaku yang perlu diikuti oleh ahli keluarga terutama anak-anak. Tanpa mengeneipkan peranan wanita atau ibu sebagai pemimpin bersama terutama dalam mendidik anak-anak, al-Quran telah menegaskan mengenai peranan bapa sebagai ketua sepertimana yang terkandung dalam Surah An-Nisa (4:1). Kelemahan bapa dalam memainkan peranannya terutama dari segi membentuk pola perhubungan dalam interaksi merupakan antara faktor penyumbang kepada pembentukan tingkahlaku anak-anak (Haja Mydin, Noraida, Nor Hafizah, Intan Hashimah & Azman Aszan Azmawati, 2016; Badrulzaman, 2006; Rohaya & Ruhani, 2011; Mahshid, Rozumah & Siti Aishah, 2010).

Hasil kajian ini juga menunjukkan penemuan yang menarik, iaitu lebih 90 peratus responden bermasalah disiplin samada ringan, sederhana atau berat mempunyai tahap orientasi kerohanian Islam yang tinggi dan keseluruhan responden yang mempunyai ibu dan bapa pada tahap "tidak bersekolah" mempunyai tahap orientasi kerohanian Islam yang tinggi iaitu 100 peratus. Manakala merujuk kepada dimensi dalam orientasi kerohanian Islam, dimensi kepercayaan menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 4.53 berbanding dimensi instrinsik dan dimensi ekstrinsik. Dapatan ini menggambarkan responden dalam kajian ini mengetahui dan memahami ajaran Islam, apatah lagi apabila dimensi kepercayaan memperoleh nilai min yang tinggi. Hal ini bermakna mereka yakin dengan kewujudan dan kekuasaan Allah SWT serta Islam sebagai panduan kehidupan. Hasil kajian ini selari dengan Francis, Katz, Yablon & Robbins (2004) dan Allport (Subandi, 2020). Dapatan ini menggambarkan terdapat jurang antara elemen mengetahui dan memahami dengan elemen penghayatan dan pengamalan Islam. Dalam ertikata lain, proses penghayatan dan pengamalan agama dalam kalangan responden adalah lemah. Individu yang memahami, menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip dalam Islam dengan baik seharusnya berupaya untuk mengawal diri dengan baik serta dapat mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh autoriti (Manal, Shahabuddin & Nik Rosila, 2020; Al-Ghazali; 1998; Syed Naquib, 1995; Nik Rosila, 2011). Selari dengan dapatan kajian ini, Mashira (2016) mendapati wujud perubahan yang positif dalam kalangan murid-murid yang terlibat dengan salah laku bergaduh di sekolah. Hasil intervensi psiko-spiritual Islam yang dilaksanakan secara berterusan selama 8 minggu berjaya mengubah masalah tingkahlaku bergaduh peserta kajian. Mashira (2016) mendapati, apabila murid memahami matlamat setiap aktiviti yang seperti solat, zikir dan muhasabah diri, maka mudah bagi mereka meninggalkan tingkahlaku bergaduh. Manakala, kajian yang dijalankan oleh Susilo & Muhamad Taufik (2017) mendapati terdapat korelasi yang signifikan antara orientasi keagamaan ekstrinsik dengan fundamentalisme agama dalam kalangan pelajar muslim di universiti.

## KESIMPULAN

Implikasi daripada kajian ini menunjukkan kurikulum Pendidikan Islam wajar dikaji terutama dari aspek pemantapan aqidah dan amalan. Pemupukan rasa cinta dan kagum dengan keindahan Islam serta kebesaran Allah SWT perlu diterapkan pada awal persekolahan lagi bagi mencetuskan rasa cinta yang berterusan. Dalam konteks sekolah, penerapan nilai-nilai Agama perlu dibudayakan secara berterusan sehingga murid-murid dapat melakukannya secara semulajadi walau dimana sahaja mereka berada. Sehubungan dengan amalan yang berterusan, kandungan dan objektif Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) pada peringkat sekolah menengah perlu di perhalusi semula. Pendekatan penilaian serta aspek-aspek yang diambilkira dalam penilaian tersebut perlu menggambarkan pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap kandungan fardu ain tersebut. Hal ini kerana dari kacamata Islam, mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam tidak mencukupi sekiranya tidak disertai dengan amalan dan penghayatan.

Pendidikan sendiri yang berterusan seperti *muhasabah*, *tafakkur* (merenung), *husn al-zann* (bersangka baik), *tawakkal* (berserah hanya kepada Allah), *istiqamah* (berterusan melakukan kebaikan) dan seumpamanya perlu diberikan pemahaman yang jelas dan kritikal agar murid dapat memahami dan menghayati (*contemplate*) maksud sebenarnya. Dalam hal ini,

Syed Muhamad Naquib (1995) menekankan bahawa aspek pedagogi dan keupayaan guru untuk menyampaikan ilmu amat penting untuk memastikan falsafah sesuatu ilmu itu dapat di transformasikan ke dalam bentuk operasional dan praktikal. Keupayaan guru menterjemahkan falsafah ilmu ini ke dalam bentuk yang praktikal juga dapat mencambah pemikiran dan perkembangan holistik pelajar.

Hasil kajian ini juga memberikan satu implikasi yang jelas dari segi peranan bapa sebagai model ikutan utama oleh anak-anak. Tanpa mengenyepikan peranan ibu, bapa harus menjadi teladan yang wajar untuk diikuti oleh anak-anak. Dalam konteks ini, bukan sahaja kursus pra-perkahwinan wajib dihadiri oleh bakal suami dan isteri, tetapi juga kursus pasca-perkahwinan juga seharusnya diwajibkan kepada pasangan yang telah berkahwin pada tempohmasa tertentu dengan mengintegrasikan modul-modul keibubapaan yang bersasar kepada penyelesaian masalah kekeluargaan. Selari dengan perkembangan global, kerencaman tahap pendidikan ibu dan bapa serta keupayaan memahami perubahan tren keluarga masakini amatlah signifikan dalam pembinaan modul perkahwinan. Pegangan Agama yang kukuh amatlah signifikan bagi memastikan kestabilan psikologi dan mental individu terutama bagi ketua keluarga yang terbeban masalah kewangan dan pekerjaan.

Kajian mengenai orientasi kerohanian Islam dan masalah disiplin murid adalah satu usaha untuk meninjau secara lebih dekat tentang tahap kefahaman dan penghayatan Islam dalam kalangan remaja Melayu Islam di Malaysia. Dapatan kajian ini boleh menjadi tanda aras dan refleksi kepada pihak berwajib termasuk sekolah, ibubapa serta para pengkaji tingkahlaku sosial dalam merangka solusi bagi permasalahan disiplin pelajar dimasa akan datang.

## RUJUKAN

- Abdullah, M.A., Salim, S.S.S. & Arip, M.A.S.M. (2018). Factors that influenced the problem of truancy among secondary school students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(3), 343-353.
- Absha Atiah Abu Bakar & Mohd Isa Hamzah. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11(1),1-15. ISSN 1985-6830
- Ajmain Safar & Ab. Halim Tamuri.(2011). Tahap penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menurut pentaksiran rakan sebaya. Kertas kerja dibentangkan dalam 2<sup>nd</sup> International Conference on Islamic Education, 19-21 December, Hotel equatorial Bangi-Putrajaya, Selangor. ISBN 978-967-10160-2-2
- Al-Ghazālī, Abu Hamid.(1998). *Ihyā' 'ulumuddin*. Vol. 3, Beirut: Darul Hikmah
- Annasaii Jamar, Fatin Nazmin Mansor & Mohd Aderi Che Noh.(2020) Kefahaman dan pengamalan nilai Islam dalam kalangan pelajar “Ground-Handling” di Kolej Swasta Malaysian Aviation Training Academy (MATA), Kuantan. *Jurnal Hal Ehwal Islam Selangor*, 4(1), 200-219 E-ISSN 2600-7509
- Arsaythamby, V. & Ng, C. K. (2014). Jenis amaran dan faktor ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Sabah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 29, 125–139.
- Aswati Hamzah. (2007). Satu kajian skema taakulan akhlak dalam kalangan pelajar Melayu, Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia.

- Badruzaman Baharom. (2006). Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkahlaku devian remaja di Daerah Pontian, Johor, Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia. Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Laporan salah laku murid Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ferlis Bullare @ Hj. Bahari, Lailawati Madlan & Murnizam Hj. Halik. (2008). Hubungan antara sumber stress, orientasi keagamaan dan stress dalam kalangan pelajar universiti. Kertas kerja dibentangkan dalam The 6<sup>th</sup> International Malaysian Studies Conference, 5-7 August, Crowne Plaza Riveride Hotel, Kuching Sarawak.
- Francis, L.J., Katz, Y.J., Yablon, Y., & Robbins, M. 2004. Religiosity, personality and happiness: a study among Israeli male undergraduates. *Journal of Happiness Studies*, 5: 315-333. Dimuat naik pada 20 April 2021 di <https://doi.org/10.1023/B:JOHS.0000048460.35705>
- Haja Mydin Abdul Kuthoos, Noraida Endut, Nor Hafizah Selamat, Intan Hashimah Mohd Hashim & Azman Aszan Azmawati. (2016). Juveniles and their parents: narratives of male & female adolescents in rehabilitation centers. *World Applied Sciences Journal*, 34(12), 1834-1839. DOI: 10.5829/idosi.wasj.2016.1834.1839
- Hussein Rasool. (2016). *Islamic counseling: an introduction to theory and practice*. 1<sup>st</sup> ed. New York: Routledge
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2004). Laporan kajian masalah sosial pelajar-pelajar sekolah menengah di Rancangan Tanah FELDA. Kementerian Pendidikan Malaysia, Malaysia
- Mahshid Monouchehri, Rozumah Baharudin & Siti Aishah Hassan. (2010). Does father matter on juvenile delinquency? In 18<sup>th</sup> APECA Biennial Conference-Workshop, 5 – 7 August 2010, Hotel Royal, Penang, Malaysia.
- Manal Ali Ahmad, Shahabuddin Hashim & Nik Rosila Nik Yaacob. (2020). Islamic spirituality, resilience, and achievement motivation of Yemeni refugee students: A proposed conceptual framework. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(4), 322-342. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.4.19>
- Mashira Yahaya. (2016). Kesan muhasabat *al-nafs* (e-man) terhadap pelajar salah laku, Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Daud Hamzah. (2000). Individual differences in commitment to selected cultural values among university students. *Educators and Education Journal*, 17, 68-78.
- Mohd Khairi Shaie & Mohamad Khairi Haji Othman. (2016). Kefahaman dan pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Kertas Kerja dibentangkan dalam International Seminar on Generating Knowledge Through Research UUM UMSIDA, 25-27 Oktober, Universiti Utara Malaysia, Kedah
- Mohd Zailani Mohd Yusoff. (2009). Moral reasoning among students of religious secondary school, PhD Tesis, Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Abdul Rauf. (1997). *Wanita dan keluarga dari pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Musa Garba. (1999). Islamic moral values consciousness among Hunsu and Yoruba adolescent students in government and Muslim schools in Lagos and Sokoto state Nigeria, Disertasi Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia.

- Nik Rosila Nik Yaacob. (2010). *Pendidikan kerohanian dan moral prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2011). An Islamic conceptual framework of a well-balanced personality. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 28(4), 65-87.
- Nooraisah Katmun, Siti Rafizah Zakaria & Mohd Abdullah Jusoh.(2014). Faktor penentu masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Wilayah Persekutuan. *Management Research Journal*, 3, 140-154 ISSN 2232-0660
- Nourmarifa Sari & Siti Rahmah Nurhayati.(2019). Parent and child relations in the perspective of adolescents with juvenile delinquency. *Psychological Research and Intervention*, 2(1), 36-42
- Nourmarifa Sari and Siti Rohmah Nurhayati. (2019). Parent and child relations in the perspective of adolescents with juvenile delinquency. *Psychological Research and Intervention*, 2(1), 36-42.
- Nur Najihah Ismail & Syed Hadzrullahthfi Syed Omar. (2017). Kerohanian Islam: penghayatan dari sudut amalannya. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*. Diedit oleh Rahimah Embong, MohamadZaidin Mat, Hanif Md Lateh, Fadzli Adam & Syed Hadzrullahthfi Syed Omar. INSPIRE: UNISZA, 51-55. ISBN 978-967-0899-70-1
- Randi Salim, Muhamad Fadhil Nurdin, Bintarsih Sekarningrum & Prengki. (2017). The role of Islam toward Patriarchal culture in Malay People. *Sociology and Antropology*, 5(12), 1027-1032
- Rohaya Hashim dan Ruhani Mat Min. (2011). Pelajar melanggar disiplin sekolah: Kaitan interaksi keluarga terhadap konsep sendiri. *Jurnal Kemanusiaan*, 18,1-17. ISSN: 1675-1930.
- Sarimah Moktar, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri & Kamarulzaman Abdul Ghani.(2011). Kajian persepsi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. *GJAT*, 1(1), 71-75 ISSN: 2232-0474
- Subandi, M.A.(2020).*Psikologi agama dan kesehatan mental*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Syed Muhammad Naquib. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: an exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Syed Muhammad Naquib.(1995). *Prolegomena of the Metaphysic of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC
- Wan Norasiah Wan Ismail. (2003). Akhlak remaja di felda ulu belitong: satu kajian tingkahlaku belia melayu, tesis Sarjana. Universiti Malaya, Malaysia.
- Zakiyah Jamaluddin & Ismail Kiprawi. (2004). *Ikatan dan kawalan ibu bapa terhadap tingkahlaku delinkuens*. Dalam Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview, Langkawi, Malaysia. <http://repo.uum.edu.my/1832/>